

**Untung Sebelum Cukai Khazanah Naik 156.3 Peratus Kepada RM5.3 Bilion  
Bernama  
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Khazanah Nasional Bhd bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2011 naik sebanyak 156.3 peratus kepada RM5.3 bilion daripada RM2.1 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas.

Cabang pelaburan kerajaan itu juga mengumumkan dividen sebanyak RM3 bilion.

Pengarah Urusan Tan Sri Azman Mokhtar berkata prestasi hebat itu dirangsang oleh penjualan strategik terutamanya dalam menjadikan PLUS Expressways Bhd persendirian semasa tahun berkenaan.

"Khazanah membuat sebanyak 13 pelaburan berjumlah RM5.8 bilion pada 2011 dan lapan penjualan yang membawa hasil RM7.7 bilion, menjana keuntungan berjumlah RM2 bilion," kata beliau pada taklimat media di sini Rabu.

Beliau berkata jumlah portfolio pelaburan Khazanah susut sedikit dengan nilai aset direalisasi keseluruhan turun sebanyak RM4.5 bilion, atau empat peratus kepada RM108.1 bilion sehingga pada 31 Dis, 2011 (31 Dis, 2010: RM112.6 bilion).

Pelarasan nilai bersih (NWA) portfolio pelaburan susut RM5.2 bilion, atau 6.9 peratus kepada RM70 bilion berbanding RM75.2 bilion sehingga 31 Dis, 2010, katanya.

"Bagaimanapun, aliran menaik keseluruhan dalam portfolio sejak permulaan program transformasi pada 2004 kekal kukuh," kata Azman.

NWA portfolio pada RM70 bilion, kata beliau adalah 110 peratus lebih tinggi berbanding permulaan program pada Mei 2004 dan 30 peratus lebih tinggi berbanding RM53.8 bilion pada akhir 2009.

"Penurunan dalam prestasi portfolio pada 2011 boleh dilihat dalam tiga syarikat portfolio yang terlibat dalam isu industri dan kawal selia -- CIMB (ketidaktentuan kawal selia di Indonesia), Tenaga Nasional Bhd (pengurangan gas dan ketidaktentuan kawal selia lain) dan dalam penerbangan.

"Tanpa mengira perkara ini, portfolio mencatatkan pertumbuhan sederhana pada 2011," katanya.

Pada 2012, beliau berkata Khazanah akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan menjadikan institusi.

"Khazanah akan mengendalikan penjualan beransur-ansur dan teratur aset bukan teras dan pemegangan bukan teras di samping terus dengan penjualan strategik syarikat-syarikat terpilih serta mengekalkan pengurusan berhemah dan liabiliti inovatif," katanya.

Beliau berkata 2012 akan merupakan tahun bagi Iskandar Malaysia dengan banyak projek

pemangkin yang dijangka siap dan beroperasi termasuk taman tema LEGOLAND Malaysia.

Beliau berkata Khazanah berminat dengan lebih banyak pelaburan luar negara terutamanya di Indonesia dan India.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640996>